

CABARAN DAKWAH DALAM KALANGAN MASYARAKAT ISLAM ORANG ASLI JAHAI DI TASIK BANDING DAN SEMAI DI KUALA WOH: SATU KAJIAN PERBANDINGAN

CHALLENGES OF DA'WAH AMONG THE ISLAMIC ORANG ASLI COMMUNITY OF JAHAI IN TASIK BANDING AND SEMAI IN KUALA WOH: A COMPARATIVE STUDY

Khairul Hamimah Mohammad Jodi^{1*}

Faridah Che Husain²

Oo Cheng Keat³

Rosmaria Binti Omar⁴

¹ Khairul Hamimah Mohammad: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Open University Malaysia, Kelana Jaya, 47301 Selangor (khairul_hamimah@oum.edu.my)

² Faridah Che Husain: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur (irdina@um.edu.my)

³ Oo Cheng Keat: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Open University Malaysia, Kelana Jaya, 47301 Selangor (oochengkeat@oum.edu.my)

⁴ Rosmaria Binti Omar: Fakulti Pendidikan, Open University Malaysia, Kelana Jaya, 47301 Selangor (rosmaria@oum.edu.my)

*Corresponding author: khairul_hamimah@oum.edu.my

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Mohammad Jodi, K. H., Che Husain, F., Keat, O. C., & Omar, R. (2025). Cabaran dakwah dalam kalangan masyarakat islam orang asli Jahai di Tasik Banding dan semai di Kuala Woh: Satu kajian perbandingan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74), 329 - 342.

Abstrak: Orang Asli Jahai dan Semai merupakan dua kumpulan etnik yang mempunyai keunikan budaya dan dialek tersendiri. Namun, cabaran dalam berdakwah Islam kepada mereka masih menjadi isu utama. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis cabaran dakwah dan amalan Islam dalam kalangan masyarakat Islam Orang Asli Jahai di Tasik Banding dan Semai di Kuala Woh, serta membandingkan faktor yang mempengaruhi penerimaan agama dalam kedua-dua komuniti ini. Pendekatan kualitatif digunakan melalui temubual, pemerhatian turut serta, dan analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan masyarakat Jahai yang menganut Islam hanya mengamalkan kewajipan asas seperti solat dan puasa, sementara amalan lain kurang dipraktikkan akibat kekangan prasarana, faktor geografi, dan akses terhadap pendidikan Islam. Bagi masyarakat Semai, bilangan penganut Islam adalah lebih kecil, dan penerimaan mereka terhadap ajaran Islam lebih dipengaruhi oleh faktor dakwah, persepsi terhadap agama, dan latar belakang budaya. Kajian ini menunjukkan bahawa meskipun terdapat perbezaan tahap penerimaan Islam antara kedua-dua komuniti, cabaran utama seperti infrastruktur, pendidikan agama, dan sokongan dakwah yang berterusan masih menjadi faktor kritikal dalam usaha melestarikan Islam dalam kalangan Orang Asli. Oleh itu, usaha bersepadu daripada pihak berwajib dan NGO diperlukan bagi

memperkukuhkan dakwah dengan pendekatan lebih berkesan dan bersesuaian dengan latar sosio-budaya mereka.

Keywords- *Cabaran dakwah, Infrastruktur, Orang Asli, Penerimaan Islam, Pendidikan agama*

Pendahuluan

Masyarakat Orang Asli di Malaysia terdiri daripada tiga kumpulan utama iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto, yang merangkumi 18 suku kaum dengan keunikan budaya, bahasa, dan kepercayaan tersendiri. Dalam konteks kajian ini, dua suku kaum menjadi fokus utama iaitu Jahai (daripada kumpulan Negrito) yang menetap di Tasik Banding, Perak dan Semai (daripada kumpulan Senoi) yang tinggal di Kuala Woh, Tapah, Perak. Kedua-dua komuniti ini mempunyai latar belakang sosioekonomi dan persekitaran yang berbeza, sekali gus mempengaruhi tahap penerimaan serta amalan mereka terhadap ajaran Islam.

Proses dakwah Islam kepada masyarakat Orang Asli bukanlah suatu tugas yang mudah kerana memerlukan pemahaman mendalam terhadap budaya, kepercayaan, dan struktur sosial komuniti yang terlibat. Sejak tahun 1980-an, usaha dakwah mula dipergiatkan oleh agensi kerajaan seperti JAKIM (dahulu dikenali sebagai Bahagian Hal Ehwal Islam- BAHEIS) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) (dahulu dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli-JHEOA), serta badan bukan kerajaan (NGO) melalui pelbagai bentuk pendekatan seperti lawatan, ceramah, pengajaran asas fardu ain dan pemberian bantuan kebajikan. Namun begitu, kadar penerimaan Islam dan tahap penghayatannya dalam kalangan Orang Asli masih rendah dan tidak seimbang antara komuniti yang telah memeluk Islam.

Kajian ini memberi tumpuan kepada cabaran dakwah yang dihadapi dalam kalangan masyarakat Islam Orang Asli Jahai dan Semai, serta membandingkan tahap amalan dan kefahaman Islam dalam kehidupan seharian mereka. Meskipun kedua-dua komuniti ini berstatus sebagai Muslim (sama ada secara individu atau kelompok), pengamalan agama mereka masih terbatas kepada amalan asas seperti solat dan puasa, manakala aspek-aspek lain seperti penghayatan akidah, ibadah khusus, dan kehidupan berlandaskan syariat masih belum kukuh.

Faktor seperti kekangan geografi, prasarana, pendidikan, sikap, dan persepsi terhadap agama menjadi antara punca utama cabaran ini terus berlarutan. Oleh itu, kajian ini dilihat penting untuk mengenal pasti secara lebih mendalam isu-isu sebenar yang dihadapi oleh kedua-dua komuniti ini serta mencadangkan penyelesaian strategik yang sesuai dengan latar budaya dan keperluan setempat.

Objektif Kajian

1. Menganalisis cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Islam Orang Asli Jahai dan Semai dalam melaksanakan amalan beragama secara menyeluruh dalam kehidupan seharian.
2. Membandingkan faktor yang mempengaruhi penerimaan Islam antara komuniti Jahai dan Semai.

Literature Review

Masyarakat Orang Asli merupakan sebahagian daripada kumpulan bumiputera di Malaysia yang mendiami kawasan pedalaman di Semenanjung Malaysia, dengan populasi tertinggi di Pahang, diikuti oleh Perak dan Kelantan (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2023). Walaupun arus kemodenan negara membawa perubahan kepada sebahagian mereka, masih ramai yang hidup dalam keadaan terpinggir dari segi ekonomi, pendidikan dan prasarana. Pelbagai kajian telah dilakukan oleh pihak berkuasa dan institusi pengajian tinggi bagi memperkasa taraf hidup masyarakat ini. Dari sudut keagamaan, dakwah Islam mula digerakkan secara aktif sejak tahun 1980-an oleh agensi kerajaan dan NGO (Ramli, 2010), namun bersaing hebat dengan misi Kristianisasi, yang turut menawarkan bantuan material dan sosial.

Statistik tahun 2018 menunjukkan seramai 35,969 Orang Asli beragama Islam, 17,357 menganut Kristian dan 42,757 masih tiada agama (Jabatan Perangkaan Negara, 2018). Penerimaan Islam sering dipengaruhi oleh faktor perkahwinan, bantuan kewangan dan minat individu (Shahar et al., 2017), namun pelaksanaannya kekal minimum. Amalan Islam dalam kalangan mereka biasanya terbatas kepada solat dan puasa, manakala aspek penghayatan akidah dan ibadah lain seperti korban, akikah dan bacaan al-Quran sangat lemah (Kassim et al., 2017; Don, 2014). Malah, sebahagian besar masyarakat Orang Asli masih terikat dengan kepercayaan tradisional dan cenderung kepada sinkretisme yang mencampurkan amalan Islam dengan unsur budaya warisan (Don, 2014; Ismail & Sa'ari, 2005). Percampuran amalan Islam dengan kepercayaan tradisional mungkin bukan sekadar manifestasi kelemahan penghayatan, tetapi strategi adaptasi budaya yang membolehkan komuniti mengekalkan identiti sambil menerima ajaran baharu. Walaupun lebih 40 tahun usaha dakwah, pencapaian ini menimbulkan persoalan tentang keberkesanan pendekatan yang digunakan. Abdul Rahman & Mustapha (2020) mengenal pasti halangan struktural dan budaya, namun analisis mereka terhad kepada perspektif institusi formal tanpa meneliti dinamik dalaman komuniti Orang Asli itu sendiri.

Kelompangan dalam literatur sedia ada ialah kecenderungan untuk melihat cabaran dakwah sebagai masalah teknikal yang boleh diselesaikan dengan penambahbaikan infrastruktur atau program. Namun, kajian Abdullah & Don (2019) membuka dimensi baharu dengan menekankan kepentingan pengetahuan dan kemahiran khusus pendakwah, menunjukkan bahawa cabaran dakwah bukan sekadar berkaitan sumber atau logistik, tetapi juga keupayaan untuk memahami dan berinteraksi dengan komuniti sasaran. Dapatan ini disokong oleh Nor Sad (2020) yang mengenal pasti tiga peringkat komunikasi dakwah yang berkesan, tetapi kajian ini masih tidak menjelaskan mengapa pendekatan yang sama menghasilkan respons berbeza dalam komuniti Orang Asli yang berlainan.

Di sebalik kelemahan dari sudut ibadah khusus, masyarakat Orang Asli menunjukkan amalan akhlak Islam yang baik seperti menepati masa, menghormati orang tua, menjauhi hasad dan tidak menzalimi haiwan (Afgani@Eusoff et al., 2015; Aslam & Abdullah, 2004). Namun begitu, kajian turut menunjukkan bahawa cabaran besar dalam melestarikan amalan Islam berpunca daripada kelemahan sistem dakwah yang tidak konsisten serta kekurangan sokongan kepada saudara baru, yang akhirnya menyebabkan sebahagian mereka mudah dipengaruhi dengan tawaran agama lain (Ramli, 2010). Justeru, kajian ini dijalankan untuk memahami isu sebenar dalam pelaksanaan kehidupan Islam masyarakat Semai di Kuala Woh, dan memberi cadangan konkrit kepada pihak berwajib dan NGO dalam memastikan pegangan Islam terus kukuh dalam komuniti ini.

Walaupun kajian-kajian lepas memberikan asas pemahaman tentang cabaran dakwah, terdapat jurang ketara dalam analisis perbandingan antara komuniti Orang Asli yang berbeza konteks. Shahar et al. (2017) mengenal pasti enam faktor penerimaan Islam, tetapi tidak meneliti bagaimana faktor-faktor ini beroperasi secara berbeza dalam persekitaran yang berlainan. Kajian Ramli (2010) tentang kelemahan sistem dakwah yang tidak konsisten memerlukan elaborasi lanjut tentang bagaimana ketidakkonsistenan ini mempengaruhi komuniti dengan ciri-ciri demografi dan geografi yang berbeza.

Justeru, kajian ini mengisi jurang pengetahuan dengan membandingkan secara langsung cabaran dakwah dalam dua komuniti Orang Asli yang mempunyai konteks sosiogeografi yang kontras - Jahai di Tasik Banding dan Semai di Kuala Woh. Pendekatan perbandingan ini membolehkan analisis yang lebih mendalam tentang bagaimana faktor kontekstual mempengaruhi penerimaan dan pengamalan Islam, serta memberi panduan yang lebih spesifik untuk pendekatan dakwah yang disesuaikan dengan keperluan setiap komuniti.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes yang bertujuan memahami cabaran dakwah dan tahap pengamalan Islam secara mendalam dalam kalangan masyarakat Orang Asli Jahai dan Semai. Kaedah kualitatif dipilih kerana ia lebih sesuai untuk meneroka isu-isu sosial dan keagamaan yang kompleks dalam konteks komuniti minoriti yang unik dari segi budaya dan cara hidup.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kajian kes yang bertujuan memahami cabaran dakwah dan tahap pengamalan Islam secara mendalam dalam kalangan masyarakat Orang Asli Jahai dan Semai. Kaedah kualitatif dipilih kerana ia lebih sesuai untuk memahami isu-isu sosial dan keagamaan yang kompleks dalam komuniti minoriti seperti Orang Asli. Reka bentuk kajian kes digunakan kerana ia membolehkan pengkaji meneliti fenomena yang sama dalam dua konteks yang berbeza untuk tujuan perbandingan yang bermakna. Pendekatan ini juga memberi ruang kepada pengkaji untuk berinteraksi secara langsung dengan informan dan memperoleh data secara mendalam melalui pelbagai sumber bukti sambil mengambil kira persekitaran sosial, budaya, dan geografi masyarakat setempat.

Lokasi dan Informan Kajian

Kajian dijalankan di dua lokasi utama yang dipilih secara *purposive sampling* berdasarkan kriteria khusus. Lokasi pertama ialah Kampung Orang Asli Jahai di Tasik Banding, Perak yang dipilih kerana merupakan komuniti terpencil dengan akses geografi yang terhad dimana majoriti penduduk telah memeluk Islam namun menghadapi cabaran infrastruktur. Keunikan lokasi ini terletak pada kedudukan pedalaman yang memerlukan akses melalui air dan darat, menjadikannya representatif bagi komuniti Orang Asli yang terisolasi secara geografi.

Lokasi kedua ialah Kampung Rensak di Kuala Woh, Tapah, Perak yang menempatkan komuniti Semai. Kampung ini dipilih kerana mempunyai akses infrastruktur yang lebih baik berbanding Tasik Banding, namun hanya minoriti penduduk yang beragama Islam iaitu sekitar 10 orang daripada 300 penduduk. Aksesibiliti yang lebih mudah tetapi penerimaan Islam yang rendah menjadikan lokasi ini menarik untuk perbandingan dengan komuniti Jahai.

Kajian ini melibatkan seramai tujuh orang informan daripada kedua-dua komuniti Orang Asli, iaitu lima orang daripada masyarakat Jahai di Tasik Banding dan dua orang daripada

masyarakat Semai di Kuala Woh. Pemilihan informan menggunakan kaedah persampelan bertujuan dengan teknik *snowball* untuk mengenal pasti individu yang memenuhi kriteria kajian. Kriteria pemilihan termasuk warganegara Malaysia dari suku Jahai atau Semai, berusia 18 tahun ke atas, beragama Islam, menetap di kawasan kajian sekurang-kurangnya lima tahun, dan bersedia memberikan kerjasama penuh dalam kajian.

Informan Jahai terdiri daripada lelaki berumur antara 15 hingga 41 tahun dengan tiga orang telah berkahwin dan dua masih bujang. Dari segi pendidikan, seorang informan memiliki diploma, tiga orang menamatkan persekolahan sehingga Tahun Enam, manakala seorang lagi tidak pernah bersekolah kerana ketiadaan kemudahan pendidikan semasa zaman kanak-kanaknya. Majoriti mereka bekerja sendiri, kecuali seorang yang memegang jawatan rasmi dan menerima elaun bulanan daripada kerajaan persekutuan. Bagi komuniti Semai, kedua-dua informan adalah perempuan berstatus berkahwin berumur antara 32 hingga 53 tahun dengan pendidikan sehingga Sijil Pelajaran Malaysia. Seorang merupakan suri rumah manakala seorang lagi bertugas sebagai setiausaha kepada Tok Batin dan menerima elaun tetap daripada JAKOA. Pengkaji telah meletakkan kod informan sebagai informan 1, informan 2, informan 3, informan 4, informan 5 yang mewakili komuniti Jahai dan informan 6 serta informan 7 yang mewakili komuniti Semai.

Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan triangulasi data melalui tiga teknik utama untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan dapatan. Kaedah pertama ialah temubual separa berstruktur yang dijalankan untuk mendapatkan pandangan dan pengalaman sebenar informan berkaitan dengan pelaksanaan amalan Islam dan cabaran dakwah yang dihadapi. Setiap sesi temubual berlangsung antara 45 hingga 90 minit dan dijalankan di rumah informan atau tempat yang selesa untuk mereka menggunakan bahasa Melayu dan bahasa tempatan jika diperlukan. Temubual dirakam menggunakan alat perakam audio dengan kebenaran informan dan merangkumi soalan berkaitan pengalaman menerima Islam, amalan keagamaan harian, cabaran dalam mengamalkan Islam, sokongan komuniti dan keluarga, serta keperluan dakwah dan pendidikan Islam.

Kaedah kedua ialah pemerhatian turut serta yang dilakukan untuk memahami konteks kehidupan sebenar masyarakat dan mengesan elemen yang mempengaruhi pengamalan Islam mereka. Pengkaji menghabiskan masa selama tiga hingga lima hari di setiap lokasi kajian untuk memerhati dan mengikuti aktiviti harian masyarakat termasuk kehidupan seharian, solat berjemaah, dan aktiviti komuniti lain. Pemerhatian difokuskan kepada interaksi sosial, amalan keagamaan, dan keadaan infrastruktur sambil merakamkan pemerhatian melalui nota lapangan dan gambar dengan kebenaran yang sewajarnya.

Kaedah ketiga ialah analisis dokumen dimana data sekunder seperti laporan rasmi JAKOA, kajian akademik lepas, statistik populasi dan demografi, serta laporan program dakwah turut dianalisis untuk menyokong dan menguatkan dapatan kajian. Dokumen-dokumen ini memberikan konteks yang lebih luas kepada isu yang dikaji dan membantu dalam memahami latar belakang sejarah serta dasar-dasar yang mempengaruhi komuniti tersebut.

Kaedah Analisis Data

Data yang diperoleh dianalisis secara tematik menggunakan pendekatan analisis kandungan seperti yang dicadangkan oleh Howitt dan Cramer (2008). Proses analisis bermula dengan penyediaan data melalui transkripsi verbatim terhadap semua rakaman temubual,

pengorganisasian nota pemerhatian secara sistematik, dan digitalisasi dokumen-dokumen yang berkaitan. Data dianalisis mengikut tema-tema utama seperti prasarana, perkhidmatan, bentuk muka bumi, pelaksanaan dan penghayatan Islam, serta sikap terhadap agama.

Dapatan Kajian: Masyarakat Jahai di Tasik Banding

Kajian mendapati masyarakat Orang Asli Jahai di Tasik Banding berdepan dengan beberapa cabaran utama dalam mengamalkan ajaran Islam secara menyeluruh dalam kehidupan harian mereka. Dapatan ini diperoleh melalui temubual, pemerhatian, dan analisis dokumen, dan dibahagikan kepada beberapa tema utama:

Prasarana

Kajian mendapati bahawa cabaran utama yang dihadapi oleh masyarakat Jahai adalah berkaitan dengan infrastruktur yang sangat terhad. Walaupun kerajaan telah menyediakan kemudahan asas seperti sekolah rendah, tadika, pusat kesihatan, dan surau, kebanyakan kemudahan ini tidak berfungsi dengan optimum. Surau yang dibina dilengkapi dengan al-Quran dan buku-buku agama, namun tidak digunakan sepenuhnya kerana masalah ketiadaan bekalan air bersih. Sumber air di surau bergantung sepenuhnya kepada air bukit, manakala penduduk masih menggunakan air sungai untuk keperluan harian seperti minum, memasak, dan mandi (Informan 2, 3 dan 4, temubual).

Bekalan elektrik merupakan cabaran besar lain yang dihadapi oleh komuniti ini. Kerana kawasan penempatan mereka yang jauh di pedalaman dan merupakan perkampungan terakhir dari Tasik Banding, mereka tidak menerima bekalan elektrik daripada kerajaan. Penduduk terpaksa menggunakan generator dengan kos bulanan sekitar RM50 untuk minyak, dan kadang kala menggunakan lilin untuk penerangan (Informan 2, temubual). Kemudahan komunikasi seperti telefon, televisyen, dan internet wujud tetapi penggunaannya terhad kerana bergantung sepenuhnya kepada generator untuk bekalan elektrik (Informan 3, temubual).

Perkhidmatan dan Pendidikan Agama

Berdasarkan temubual dengan informan, perkhidmatan untuk mengajar agama dalam kalangan Orang Asli Jahai sangat kurang dan tidak konsisten. Sekiranya ada lawatan pendakwah, ia hanya berlaku dua kali sebulan dan kebanyakannya datang untuk menyampaikan bantuan barangan sambil berdakwah. Pada tahun 2020, JAKIM bersama Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) pernah mengunjungi kampung mereka untuk misi bantuan dan dakwah semasa pandemik Covid-19, namun lawatan sedemikian tidak berterusan. Tiada kelas fardu ain atau pendidikan Islam formal ditawarkan di kampung ini. Sebahagian daripada mereka yang ingin belajar perlu keluar ke pekan terdekat, yang mengambil masa perjalanan hampir tiga jam melalui jalan air atau darat. Kekangan ini menyebabkan amalan agama hanya terbatas kepada perkara asas seperti solat dan puasa. Bacaan al-Quran, ilmu fiqh dan akidah hampir tidak dikuasai.

Dari segi pendidikan formal, kampung ini hanya memiliki sebuah sekolah rendah dengan 16 orang guru termasuk Guru Besar. Silibus yang diajar tidak mengikut arus perdana kerana sekolah lebih memfokuskan penguasaan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira. Jabatan Agama Islam Negeri tidak membina Sekolah Rendah Agama atau menyediakan Kelas Fardu Ain (KAFA) untuk pengukuhan kefahaman agama Islam. Pendidikan sekolah menengah tidak diminati kerana jarak perjalanan yang jauh iaitu melebihi 43 kilometer, mengambil masa dua jam menaiki bot dan satu jam perjalanan kereta ke Sekolah Menengah Kebangsaan Gerik.

Bentuk Muka Bumi

Kampung Jahai terletak di kawasan yang sukar diakses, dikelilingi hutan dan tasik. Bentuk muka bumi yang bergunung-ganang dan penempatan yang berselerak menyukarkan usaha dakwah dan penghantaran bantuan pendidikan atau agama. Dalam musim hujan, akses ke kampung ini menjadi lebih terhad. Struktur jalan yang tidak stabil, sempit dan dipenuhi hutan menyebabkan kebanyakan penduduk tidak memiliki kenderaan dan bergantung kepada perjalanan kaki atau bot laju melalui Tasik Banding. Laluan darat mengambil masa empat hingga lima hari untuk ke pekan, manakala laluan sungai mengambil dua jam tetapi melibatkan kos RM100 untuk pergi balik.

Pengamalan dan Penghayatan Islam

Masyarakat Jahai yang beragama Islam cenderung hanya mengamalkan rukun Islam yang asas. Mereka menunaikan solat lima waktu dan berpuasa di bulan Ramadan, namun penghayatan terhadap ajaran agama masih lemah. Kanak-kanak tidak diajar ilmu fardu ain secara formal kerana tiada guru atau fasiliti. Aspek penghayatan seperti kesedaran terhadap akidah, halal-haram dan nilai-nilai Islam masih rendah.

Sikap dan Kebergantungan

Walaupun terdapat keinginan untuk beragama, kebergantungan terhadap bantuan luar dan ketiadaan pemimpin tempatan yang boleh membimbing dari sudut agama menjadikan amalan Islam terbantut. Penduduk Islam di kampung Jahai amat memerlukan bimbingan yang konsisten dan berterusan dari pihak luar seperti JAKIM, JAKOA, atau NGO Islam.

Dapatan Kajian: Masyarakat Semai di Kuala Woh

Berbeza dengan masyarakat Jahai, komuniti Orang Asli Semai di Kampung Rensak, Kuala Woh mempunyai aksesibiliti yang jauh lebih baik. Kampung ini terdiri daripada 40 buah rumah dengan jumlah penduduk seramai 300 orang. Namun, hanya 10 orang atau 3.3 peratus daripada penduduk yang beragama Islam, manakala selebihnya menganut agama Kristian, Hindu, Bahai, atau memilih untuk tidak menganut sebarang agama. Majoriti penduduk lebih selesa memilih menjadi ateis dan agnostik berbanding menganut mana-mana agama formal. Beberapa tema utama telah dikenalpasti daripada data temubual, pemerhatian dan dokumen:

Prasarana

Masyarakat Semai menikmati kemudahan infrastruktur yang jauh lebih baik berbanding Jahai. Mereka mempunyai akses kepada jalan raya berturap, bekalan air paip, elektrik yang stabil, dan jaringan internet yang baik. Penduduk juga mempunyai akses kepada perkhidmatan moden seperti Grab, Food Panda untuk penghantaran makanan segera, dan platform beli-belah dalam talian seperti Lazada dan Shopee. Kemudahan komunikasi seperti telefon, televisyen, radio, Astro, dan Netflix tersedia dengan baik tanpa bergantung kepada generator.

Dari segi pekerjaan dan pendidikan, majoriti penduduk bekerja sendiri atau dalam sektor kerajaan dan swasta sebagai guru, pembersih, pengawal keselamatan, askar, dan kerani (Informan 6 dan 7, 2023). Anak-anak bersekolah di sekolah rendah dan menengah di Pekan Tapah dengan akses yang mudah menggunakan van atau motosikal kerana jarak perjalanan yang tidak terlalu jauh (Informan 2, temubual). Kemudahan sekolah agama dan KAFA juga terdapat di kampung bersebelahan, namun sambutan daripada komuniti Semai sangat rendah. Walaupun mempunyai infrastruktur yang baik, kampung ini tidak mempunyai kemudahan khusus untuk pembangunan Islam seperti surau, balai raya, atau perpustakaan untuk program keagamaan. Keadaan ini berbeza dengan keperluan asas yang ada kerana kampung Rensak

dianggap sebagai kawasan pelancongan yang menarik pelancong untuk melihat kehidupan masyarakat Orang Asli, menyebabkan kerajaan banyak menaik taraf penempatan mereka dari segi infrastruktur am.

Perkhidmatan dan Bantuan Dakwah

Perkhidmatan dakwah dan pendidikan Islam dalam kalangan masyarakat Semai sangat terhad. Hanya terdapat sekitar 10 orang beragama Islam daripada kira-kira 300 penduduk. Kelas farduan dan tazkirah hanya terdapat di Slim River sejauh 60 km dari kampung ini dan tiada pengangkutan disediakan. Kampung Rensak pernah didatangi oleh pendakwah, namun dakwah yang disampaikan didapati kurang sesuai dengan budaya mereka. Pendekatan yang digunakan tidak mengambil kira latar belakang dan cara hidup khusus komuniti Semai, menyebabkan mereka tidak berminat menghadiri kelas tersebut dan pendakwah luar tidak lagi memasuki kampung ini. Kebanyakan lawatan ke kampung ini adalah untuk menyampaikan bantuan barangan berbanding aktiviti dakwah yang berkesan

Bentuk Muka Bumi

Walaupun jalan utama ke Kuala Woh berturap, laluan ke kampung agak sempit dan terdedah kepada hakisan serta tanah runtuh. Kampung ini dikelilingi sungai dan bukit, dan faktor ini menyebabkan ramai pendakwah enggan masuk ke kawasan ini, terutama secara individu. Ini menjadi halangan fizikal kepada usaha pengembangan ilmu Islam secara langsung.

Pengamalan dan Penghayatan Islam

Pengamalan Islam dalam kalangan masyarakat Semai berada pada tahap asas. Solat dan puasa merupakan ibadah utama yang diamalkan, tetapi tiada penekanan kepada ilmu agama lain seperti pengajian al-Quran, fiqh atau akidah. Sebahagian kanak-kanak beragama Islam hanya mendapat pendidikan agama secara tidak langsung melalui sistem sekolah, manakala golongan dewasa tidak mengikuti sebarang bentuk pengajian Islam.

Sikap dan Persepsi terhadap Agama

Salah satu dapatan menarik dalam kajian ini adalah berkaitan sikap dan persepsi masyarakat Semai terhadap agama. Majoriti penduduk kampung, khususnya yang berusia, tidak mahu memilih mana-mana agama kerana tidak mahu terbeban dengan amalan baharu. Mereka berpegang kepada logik bahawa jika mempunyai agama tetapi tidak mengamalkannya dengan sempurna akan mendapat dosa, justeru lebih baik tidak memeluk mana-mana agama untuk mengelakkan balasan yang tidak baik. Perkara ini dijelaskan oleh informan 7 yang menyatakan bahawa dalam keluarganya yang berjumlah 12 orang, hanya dia dan kakaknya sahaja yang memeluk Islam kerana ibu bapanya tidak mahu terbeban dengan amalan ibadah yang diwajibkan. Penduduk kampung yang tidak beragama memilih untuk bersikap tertutup terhadap agama, namun menerima perubahan dalam perkara lain seperti teknologi, makanan, kesihatan, dan pendidikan.

Walaupun mempunyai akses kepada maklumat melalui internet, Astro, dan Netflix, mereka tidak berusaha mencari maklumat mengenai agama Islam. Mereka sudah selesa dengan kehidupan sedia ada dan lebih berminat kepada hiburan daripada perkara berkaitan agama. Kesedaran untuk hidup beragama bukan menjadi isu utama kerana kehidupan masyarakat yang tenteram, harmoni, dan aman menyebabkan mereka merasakan tidak ada keperluan mencari agama dalam kehidupan seharian.

Perbandingan Antara Masyarakat Jahai dan Semai

Perbandingan dibuat berdasarkan dapatan kajian terhadap kedua-dua komuniti Orang Asli yang dikaji, iaitu masyarakat Jahai di Tasik Banding dan masyarakat Semai di Kuala Woh. Analisis ini memberi fokus kepada enam aspek utama: prasarana, akses pendidikan Islam, kehadiran pendakwah, pengamalan agama, faktor penerimaan Islam, dan cabaran utama.

Jadual 1: Perbezaan Jahai dan Semai

Aspek	Jahai (Tasik Banding)	Semai (Kuala Woh)
Prasarana	Sangat terhad; tiada bekalan air bersih, tiada elektrik	Lengkap dengan air paip, elektrik dan jalan raya
Akses Pendidikan Islam	Tiada guru agama; perlu ke pekan sejauh 3 jam	Ada sekolah agama berdekatan, namun sambutan rendah
Kehadiran Pendakwah	Jarang hadir; hanya lawatan berkala tanpa kesinambungan	Pernah hadir tapi pendekatan tidak sesuai dengan budaya tempatan
Pengamalan Islam	Terhad kepada solat dan puasa sahaja	Hanya amalan asas; tiada pendidikan agama mendalam
Faktor Penerimaan	Perkahwinan, pengaruh masyarakat, bantuan kebajikan	Kahwin campur, kesedaran individu
Cabaran Utama	Geografi, kekurangan prasarana dan guru agama	Sikap, persepsi negatif terhadap agama

Sumber: Temubual

Perbandingan antara kedua-dua komuniti menunjukkan kontra yang ketara dalam jenis cabaran yang dihadapi. Masyarakat Jahai menghadapi cabaran yang bersifat struktural dan geografi, dimana faktor infrastruktur yang terhad, lokasi terpencil, dan akses yang sukar menjadi penghalang utama kepada pengamalan Islam yang menyeluruh. Cabaran ini bersifat objektif dan boleh diatasi dengan pelaburan infrastruktur dan program dakwah yang sistematik.

Sebaliknya, masyarakat Semai menghadapi cabaran yang bersifat subjektif dan berkaitan dengan sikap serta persepsi terhadap agama. Walaupun mereka mempunyai akses kepada infrastruktur yang baik dan kemudahan moden, pilihan untuk tidak beragama atau menganut Islam dibuat secara sedar berdasarkan pertimbangan personal. Fenomena ini menunjukkan bahawa kemudahan fizikal sahaja tidak mencukupi untuk mendorong penerimaan dan pengamalan Islam sekiranya tidak disertai dengan pendekatan dakwah yang sesuai dan pemahaman yang mendalam tentang keperluan spiritual komuniti tersebut.

Perbincangan dan Implikasi Kajian

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa walaupun kedua-dua komuniti Jahai dan Semai telah memeluk Islam, pengamalan dan penghayatan terhadap ajaran Islam yang sangat terhad. Masyarakat Jahai menghadapi kekangan yang lebih besar dari sudut lokasi geografi, prasarana dan akses kepada pendidikan Islam, manakala masyarakat Semai pula berhadapan dengan cabaran dari sudut sikap, persepsi, dan minat terhadap ajaran Islam walaupun mempunyai kemudahan yang lebih baik. Terdapat perbezaan dalam aspek pelaksanaan dan penghayatan ajaran agama untuk masyarakat orang Asli Jahai dan Semai, iaitu tahap pengamalan Islam dalam kalangan kedua-dua komuniti masih berada pada tahap asas terhad kepada amalan seperti solat dan puasa, manakala aspek penghayatan terhadap akidah, akhlak, dan syariah masih belum terbentuk secara menyeluruh.

Dalam konteks masyarakat Jahai, cabaran utama bersifat fizikal dan struktur. Lokasi mereka yang terpencil, bergunung-ganang dan sukar diakses menyebabkan proses penyampaian dakwah menjadi tidak konsisten dan terputus-putus. Tiadanya infrastruktur asas seperti surau, sekolah agama, dan bekalan air serta elektrik yang stabil turut menjejaskan keselesaan dalam melaksanakan ibadah. Cabaran ini membentuk satu bentuk pengasingan geografi (*geographical exclusion*) yang secara tidak langsung mencipta pengasingan spiritual dan sosial terhadap ajaran Islam. Sebagai contoh, usaha untuk mendapatkan pendidikan agama perlu melalui perjalanan yang mengambil masa tiga jam ke pekan terdekat. Perkara ini bukan sahaja membebankan dari sudut kos dan logistik, tetapi juga menyebabkan masyarakat Jahai menjadi semakin bergantung kepada usaha pihak luar dan apabila tiada kesinambungan program, maka tidak ada kesinambungan kefahaman agama. Prasarana yang lengkap memainkan peranan penting dalam membentuk dan menaik taraf pendidikan, terutamanya pendidikan Islam (Razali, 2013; Yusoff, Talib, Pon, 2011). Kemudahan prasarana yang efisien seperti sistem komunikasi, bekalan air, elektrik dan pembentungan bertujuan meningkatkan kualiti hidup (Yusoff, Talib, Pon, 2011) serta memenuhi keperluan sosial masyarakat. Walau bagaimanapun, masyarakat Orang Asli Jahai tidak dapat menikmati kesemua kemudahan infrastruktur dan prasarana tersebut. Isu ini bukan hanya berlaku di Malaysia, tetapi turut dialami oleh negara lain seperti Australia dan Kanada (Fadzil, et.al, 2016). Kekurangan prasarana ini menghalang pembangunan pendidikan Islam dan secara tidak langsung menyebabkan mereka kurang menghayati serta melaksanakan amalan yang dituntut oleh syariat.

Sebaliknya, masyarakat Semai yang tinggal berhampiran bandar dan memiliki prasarana yang lebih baik tidak menghadapi cabaran logistik yang sama. Namun begitu, sikap dan pandangan mereka terhadap Islam lebih menjadi penghalang utama dalam mendalami agama. Kajian mendapati sebahagian besar masyarakat Semai mempunyai persepsi bahawa menganut agama, khususnya Islam, memerlukan mereka untuk meninggalkan cara hidup tradisional dan memikul tanggungjawab yang berat dari segi ibadah.

Terdapat fenomena “pilihan untuk kekal tidak beragama” dalam kalangan sebahagian masyarakat ini bagi mengelakkan perasaan bersalah atau beban ketika tidak mampu mengamalkan tuntutan agama. Hal ini menunjukkan mereka menganggap Islam sebagai sistem yang terlalu ketat dan tidak selari dengan identiti budaya mereka. Tambahan pula, mereka tidak mempunyai kesedaran untuk memiliki agama dan tidak mahu memikirkan persoalan asas seperti tujuan penciptaan manusia, hakikat kewujudan, pengakhiran hidup dan Tuhan yang menciptakan semua makhluk. Mereka memilih untuk kekal dengan keadaan sedia ada tanpa mahu berubah kerana merasa selesa dengan kehidupan yang mempunyai tempat tinggal, makanan, minuman, pakaian dan kemudahan yang dianggap mencukupi. Sikap ini bertentangan dengan firman Allah yang bermaksud "...Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri..." (al-Ra'd (13):11). Pandangan ini turut dipersetujui oleh Zaaba (2016) yang menjelaskan bahawa sikap individu bergantung kepada diri sendiri.

Perkara ini menimbulkan satu cabaran besar kepada dakwah Islam untuk bersifat lebih inklusif dan empati, dengan memahami realiti sosiobudaya yang membentuk sikap masyarakat. Kajian ini mendapati bahawa pendekatan dakwah yang digunakan kepada kedua-dua komuniti belum mencapai objektif yang diharapkan, walaupun atas sebab yang berbeza. Untuk masyarakat Jahai, kegagalan dakwah lebih disebabkan oleh faktor logistik dan ketidaksinambungan program. Pendakwah menghadapi kesukaran untuk sampai ke lokasi mereka secara konsisten

kerana faktor geografi dan kekurangan infrastruktur. Pendekatan yang digunakan juga lebih fokus kepada penyampaian bantuan material berbanding pembinaan spiritual yang berterusan.

Bagi masyarakat Semai, kegagalan dakwah lebih berkaitan dengan ketidaksesuaian pendekatan yang digunakan dengan budaya dan cara pemikiran mereka. Pendakwah yang datang tidak memahami latar belakang sosiobudaya komuniti Semai dan menggunakan pendekatan yang sama seperti yang digunakan untuk masyarakat Melayu arus perdana. Ini menyebabkan mesej dakwah gagal menimbulkan resonansi dengan audiensnya dan akhirnya ditolak oleh komuniti tersebut.

Dapatan kajian ini menyokong kepentingan pendekatan dakwah yang kontekstual dan sensitif budaya. Dalam konteks masyarakat Jahai, pendekatan dakwah bil hal iaitu dakwah melalui tindakan dan keprihatinan adalah lebih sesuai memandangkan keperluan mereka yang mendesak dalam aspek infrastruktur dan kemudahan asas. Pembinaan surau yang dilengkapi dengan kemudahan air dan elektrik, penyediaan pendakwah yang menetap dalam komuniti, dan program pendidikan agama yang berterusan adalah lebih penting daripada ceramah atau kuliah formal.

Untuk masyarakat Semai, pendekatan dakwah perlu lebih fokus kepada aspek intelektual dan emosional. Memandangkan mereka mempunyai akses kepada maklumat dan teknologi, dakwah perlu menggunakan medium yang mereka biasa gunakan dan menyentuh isu-isu yang relevan dengan kehidupan mereka. Pendekatan yang menekankan fleksibiliti Islam dan kemampuannya untuk disesuaikan dengan kehidupan moden mungkin lebih berkesan berbanding pendekatan yang menekankan kewajipan dan tanggungjawab agama.

Analisis terhadap faktor penerimaan Islam dalam kedua-dua komuniti menunjukkan corak yang berbeza. Dalam kalangan masyarakat Jahai, penerimaan Islam lebih didorong oleh faktor luaran seperti perkahwinan dengan Muslim, pengaruh program bantuan kerajaan, dan tekanan sosial dari komuniti yang lebih besar telah memeluk Islam. Namun, pengamalan Islam kekal pada tahap minimum kerana kekurangan bimbingan dan sokongan infrastruktur.

Bagi masyarakat Semai, penerimaan Islam adalah berdasarkan pilihan individual yang lebih sedar, namun bilangan yang memilih Islam sangat kecil kerana persepsi negatif terhadap komitmen agama. Mereka yang memeluk Islam biasanya didorong oleh faktor perkahwinan campur atau kesedaran spiritual peribadi, namun mereka menghadapi cabaran untuk mengamalkan agama secara menyeluruh kerana kekurangan sokongan komuniti dan bimbingan yang berterusan.

Kelemahan untuk melestarikan penghayatan Islam dalam komuniti ini bukan sahaja mencerminkan kelemahan dalam pendekatan dakwah, tetapi juga memperlihatkan jurang dalam dasar pembangunan masyarakat Islam minoriti. Dakwah yang berkesan bukan sahaja memerlukan strategi komunikasi, tetapi juga perlu diiringi dengan pelaburan jangka panjang dari sudut pembangunan insan, sokongan emosi, pemeraksanaan komuniti, serta penyesuaian budaya dan bahasa. Pihak berwajib seperti JAKIM, JAKOA dan NGO Islam perlu menyusun semula pelan tindakan dakwah kepada Orang Asli agar lebih fokus kepada keberkesanan jangka panjang, bukan sekadar angka penganut. Implikasi terbesar ialah keperluan untuk membentuk model dakwah lokal yang lestari, melatih pendakwah dari komuniti sendiri, dan merangka modul pendidikan Islam yang sesuai dan relevan dengan konteks hidup mereka.

Cadangan dan Penutup

Dapatan kajian ini mempunyai implikasi penting terhadap dasar dakwah dan pembangunan komuniti Muslim minoriti di Malaysia. Untuk masyarakat seperti Jahai yang menghadapi cabaran infrastruktur, pendekatan holistik yang menggabungkan pembangunan fizikal dengan pembangunan spiritual adalah diperlukan. Ini termasuk pelaburan dalam infrastruktur asas, latihan pendakwah tempatan dari kalangan komuniti sendiri, dan program sokongan berterusan yang tidak bergantung kepada lawatan berkala sahaja. Untuk komuniti seperti Semai yang mempunyai infrastruktur mencukupi tetapi menghadapi cabaran sikap dan persepsi, pendekatan dakwah perlu lebih sofistikated dan disesuaikan dengan tahap intelektual dan gaya hidup mereka. Ini mungkin melibatkan penggunaan teknologi digital, pendekatan dialog interaktif, dan pembinaan model Islam yang fleksibel dan inklusif yang tidak dilihat sebagai beban tetapi sebagai nilai tambah kepada kehidupan mereka.

Cadangan

Pendekatan dakwah berasaskan budaya dakwah perlu disesuaikan dengan latar budaya dan bahasa masyarakat Orang Asli. Pendakwah perlu memahami cara hidup, pantang larang, dan struktur sosial komuniti sebelum menyampaikan mesej agama. Penggunaan bahasa tempatan dan pendekatan visual seperti gambar, video, atau simulasi boleh membantu kefahaman.

Melatih pendakwah dari kalangan orang asli sendiri individu daripada komuniti Orang Asli yang telah memeluk Islam boleh dilatih sebagai pendakwah dan guru agama. Ini akan memudahkan penyampaian ilmu kerana mereka lebih dipercayai, memahami budaya setempat, dan mampu menjadi teladan.

Meningkatkan infrastruktur keagamaan pembinaan surau kecil, pusat komuniti Islam atau ruang pembelajaran asas dalam kampung perlu disegerakan. Prasarana ini penting untuk mengadakan kelas fardu ain, solat berjemaah dan aktiviti keagamaan lain secara konsisten.

Program dakwah berterusan dan tidak bersifat *Ad Hoc* Pendekatan dakwah perlu dilakukan secara berjadual dan sistematik, bukannya hanya lawatan singkat. Program seperti kem motivasi, kursus asas fardu ain, kelas al-Quran mingguan dan ceramah berkala wajar diperkenalkan secara konsisten.

Kerjasama pelbagai pihak kerajaan, JAKIM, JAKOA, institusi pengajian tinggi, dan NGO Islam perlu bergabung tenaga dalam menyusun pelan strategik dakwah untuk komuniti Orang Asli. Setiap pihak boleh memainkan peranan berbeza mengikut kekuatan dan kepakaran masing-masing.

Penghasilan modul mesra komuniti modul pembelajaran Islam untuk Orang Asli perlu dibina khas dan ringkas, dengan kandungan yang mudah difahami dan relevan. Modul ini perlu diuji keberkesannya dan disesuaikan mengikut suku kaum yang berbeza.

Penutup

Kajian ini membuktikan bahawa walaupun kedua-dua komuniti Orang Asli Jahai dan Semai telah mempunyai sebahagian ahli yang memeluk Islam, cabaran yang dihadapi dalam mengamalkan ajaran Islam adalah berbeza secara ketara berdasarkan konteks sosiogeografi masing-masing. Masyarakat Jahai di Tasik Banding yang terdiri daripada 137 keluarga dengan 50 peratus penduduk beragama Islam menghadapi cabaran struktural seperti kekurangan infrastruktur asas, ketiadaan pendakwah yang konsisten, dan akses geografi yang sukar dengan

kos perjalanan RM100 untuk ke pekan terdekat. Sebaliknya, masyarakat Semai di Kuala Woh yang mempunyai infrastruktur lengkap namun hanya 3.3 peratus daripada 300 penduduk beragama Islam menghadapi cabaran yang bersifat subjektif berkaitan sikap dan persepsi terhadap agama, dimana mereka sengaja memilih untuk tidak beragama kerana bimbang tidak dapat mengamalkan agama dengan sempurna dan takut mendapat dosa.

Oleh itu, pendekatan dakwah kepada komuniti Orang Asli perlu disesuaikan mengikut konteks spesifik setiap komuniti dengan strategi yang berbeza tetapi saling melengkapi. Untuk komuniti terpencil seperti Jahai, keutamaan perlu diberikan kepada pembangunan infrastruktur, latihan pendakwah tempatan, dan program sokongan berterusan melalui pendekatan dakwah bil hal. Untuk komuniti yang mempunyai akses baik seperti Semai, pendekatan dakwah perlu lebih sofistikated dengan menggunakan dialog interaktif, teknologi digital, dan model Islam yang inklusif. Dakwah yang berkesan bukan sekadar menyampaikan maklumat, tetapi membina kefahaman yang kontekstual dan relevan agar Islam dapat dihayati sebagai nilai tambah dalam kehidupan masyarakat Orang Asli, bukan sebagai beban atau kekangan kepada cara hidup mereka.

Penghargaan

Penghargaan kepada masyarakat Islam Orang Asli Jahai di Tasik Banding dan Semai di Kuala Woh atas penyertaan mereka, juga kepada Open University Malaysia atas sokongan dalam penyelidikan ini

Rujukan

- Abdullah, I. N., & Don, A. G. (2019). Kepentingan aspek pengetahuan dan kemahiran dalam dakwah terhadap masyarakat Orang Asli. *Al-Hikmah*, 11(2), 20-36
- Abdul Rahman, A., & Mustapha, R. (2020). Cabaran pelaksanaan dakwah terhadap masyarakat Orang Asli oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, 42(SI), 59-67
- Afgani@Eusoff, Yendo., Mat Som, Ahmad Puad., Adam, Fadzli., & Jamil, Nor Asmah., (2015), *Islam Dan Kepercayaan Orang Asli: Satu Analisa Perbandingan Ke Atas Aspek Taboo Dan Implikasinya*, Proceedings of ICIC2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century, Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin, hal 619-633.
- Don, Abdul Ghafar. (2014), *Masyarakat Orang Asli Muslim Malaysia: Senario Dan Realiti Kefahaman Dan Penghayatan Islam*, Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014, Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi, Selangor.
- Fadzil, Kamal Solhaimi., Wan Ibrahim, Wan Suzita., Awang, Siti Nor., Zainol, Rosilawati., Edo, Juli., (2016), Masyarakat pribumi, infrastruktur sosial dan pembangunan terancang di Malaysia: Kajian penglibatan masyarakat Orang Asli di RPS Air Banun, Belum-Temengor, Perak, *Malaysian Journal of Society and Space*, 12, issue 10, (88 - 100).
- Ismail, Huzaimah., Sa'ari, Che Zarina., (2005), Masyarakat Orang Asli dan pembangunan insaniah, *Jurnal CITU*, 1 (2). pp. 67-82
- Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara (10 Jun 2023). Akses pada, <http://jkkn.gov.my/ms/masyarakat-orang-asli-0>
- Jabatan Perangkaan dan Statistik. (1 Jun 2023). Akses pada, https://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/bilangan-penduduk-orang-asli-mengikut-etnik/resource/2845394c-0e37-4b46-841a-d982b0ddf7ee,
- Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022, *Perangkaan Penting Malaysia 2022*, Putrajaya; Jabatan Perangkaan Malaysia

- JAKOA. (2023). Soal jawab, Laman Web Rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli. Akses pada <https://www.jakoa.gov.my/soalan-faq/>
- Kassim, Faezah., Jais, Abd. Wahid., Abu Hassan, Zamre., Yaacob, Norazlan Hadi., & Mazlan, Aiza., (2017), *Perubahan Amalan Budaya Masyarakat Orang Asli (Muslim): Satu Kajian Awal Di Pos Pantos, Kuala Lipis, Pahang*, Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, hal 32-42.
- Mee, S. & Ibrahim, Y. (2008). *Pembandaran dan Penempatan Semula Komuniti Orang Asli*. Penerbit UPM.
- Mohammad Aslam, Mohd Mizan., Abdullah, Shuhairimi., (2004), *Pembentukan nilai-nilai murni masyarakat Semai melalui konsep pandang dunia (world view): Satu analisis awal*, Prosiding Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), Jabatan Pengajian Umum, Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan Universiti Utara Malaysia.
- Nor Sad, N. H. D. (2020). Pengamalan Bentuk-bentuk Komunikasi Dakwah Pendakwah Orang Asli. 'Abqari Journal, 13(1). DOI: <https://abqarijournal.usim.edu.my/index.php/abqari/article/view/71>
- Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA). (10 Mac 2025). Akses pada, <https://www.jakoa.gov.my/suku-kaum/>
- Ramli, Mohd Izzuddin., (2010), *Orang Asli Di Malaysia: Konflik Dan Masa Depan*, Kertas kerja Persidangan Mahasiswa Malaysia-Indonesia di Universitas Airlangga, Surabaya, Indonesia, 20 Mei 2020.
- Razali, Nurazuan., (2013), *Tahap Prasarana Pendidikan Dan Persekitaran Pembelajaran Di Sekolah Menengah Daerah Kota Tinggi*, Disertasi Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia
- Sahad, M. N., & Sa'ari, C. Z. (2005). Islamisasi dan Kristianisasi di Kalangan Orang Asli Temuan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahar, Ahmad Fauzi., Abdullah, Muhammad Yusuf Marlon., Arshad, Mohd Hakim., Mokhtar, Ahmad A'toa', Aini, Zulkefli., (2017), *Faktor Tarikan Masyarakat Orang Asli Memeluk Islam Di Selangor*, Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, hal 539-553.
- Sulaiman, Mashitah., Mohd Nizah, Mohd Azmir., Ahmad, Mohd Nazir., Abdul Mutalib, Marina Munira., Mohd Ramly, Roslizawati., Othman, Khatijah., Md. Hamdani, Suhailiza., (2018), Pengetahuan Dan Kefahaman Agama Dalam Kalangan Belia Melayu Di Lembah Kelang, *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Special Issue 2018, hal 371-390
- Yin, Robert K., (2009), *Case Study Research: Design and Methods*, (4th Ed.), Carlifonia: Sage Publications
- Yusoff, Noraniza., Talib, Azlizan., Pon, Yusuf., (2011), Impak Pembangunan Infrastruktur ke atas Pembangunan Komuniti Penduduk di Daerah Pendang dan Kubang Pasu, Kedah Darul Aman, Malaysia, *Journal of Governance and Development*, Vol.7, p. 16 – 36
- Zaaba, (2016). *Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri*. Dewan Bahasa dan Pustaka.